

TEKS UCAPAN
YBRS. BRIGADIER JENERAL KESATRIA
PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN
LATIHAN INTENSIF BAKAL KOMANDER
SIRI KE-58 TAHUN 2025/2026

29 NOVEMBER 2025 | SABTU | 8.45 PAGI
PADANG KAWAD
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Dr. Mohd Hafiz Mohd Hanafiah

Timbalan Rektor Hubungan Industri, Komuniti,
Alumni dan Keusahawanan (iCARE),
Menjalankan Tugas Timbalan Rektor Hal Ehwal
Pelajar

Leftenan Kolonel Kesatria Noorizan Che Rashid

Penolong Pendaftar Kanan (Kokurikulum)
UiTM Cawangan Selangor

Komander Madya Nur Syahiran Nor Azmy

Pengarah Program Latihan Intensif Bakal Komander
Siri Ke-58 Tahun 2025/2026

Barisan Pegawai Kehormat Kesatria

Ketua-Ketua Bahagian Dan Unit

Para Jurulatih dan Komander Pengiring

Para peserta Latihan Intensif Bakal Komander Siri Ke-
58 Tahun 2025/2026

Seterusnya, ibubapa dan waris, tuan-tuan dan puan-
puan serta para hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberikan kesihatan dan kesempatan untuk berkumpul pada pagi ini bagi meraikan **Perbarisan Tamat Latihan, Latihan Intensif Bakal Komander, LIBK Siri Ke-58 Tahun 2025/2026.**
2. Saya amat berbangga dengan semangat, ketabahan dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh para Bakal Komander sepanjang mengikuti latihan yang dirangka oleh pihak pengurusan Unit Kokurikulum UiTM Cawangan Selangor, dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua.
3. Saya berharap ilmu dan pengalaman yang diperoleh sepanjang latihan ini menjadi bekalan berharga yang akan memperkukuh keperibadian serta kredibiliti anda sebagai pemimpin masa hadapan.

4. Saya difahamkan latihan ini selaras dengan objektifnya untuk melahirkan mahasiswa yang holistik dari segi kesihatan fizikal, mental, spiritual, serta berupaya mengimbangi tanggungjawab akademik dan kokurikulum.
5. Seperti pepatah Melayu yang berbunyi, “**Gagal sekali bukan bermakna gagal selamanya,**” saya berharap anda semua tidak gentar menghadapi kegagalan, kerana hanya mereka yang berani mencuba akan menemui kejayaan.
6. Sesungguhnya, kejayaan sejati tidak datang dengan mudah, tetapi lahir daripada cabaran dan rintangan yang membina kekuatan dalam diri.
7. Justeru, setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada 70 orang Bakal Komander yang akan dianugerahkan pangkat Komander Rendah

Muda pada Majlis Watikah Pelantikan hari ini.

8. Lihatlah setiap pengalaman yang dilalui dari sudut positif, dan hargailah memori yang telah anda bina bersama rakan seperjuangan.
9. Saya yakin bahawa hari ini anda adalah insan yang lebih kuat, lebih matang, dan lebih baik daripada semalam dari segi jati diri, ketahanan mental, serta kestabilan emosi.

Bakal Komander Sekalian,

10. Dengan penganugerahan Komander Rendah Muda ini, secara automatik anda semua merupakan Komander Kesatria UiTM.

11. Oleh yang demikian, imej seorang Komander hendaklah sentiasa dijaga dengan baik agar tidak tercemar.
12. Toleransi, kerjasama dan disiplin yang baik harus dipelihara serta diamalkan pada setiap masa.
13. Anda haruslah mematuhi segala peraturan dan adab sebagai mahasiswa UiTM, lebih-lebih lagi sebagai pelajar badan beruniform yang sering dipandang tinggi dan menjadi contoh kepada warga Universiti serta masyarakat luar.
14. Saya juga percaya dan yakin ibu bapa dan keluarga yang hadir bersama-sama kita pada hari ini sangat berbangga dengan pencapaian anak-anak mereka.
15. Penghargaan yang setinggi-tingginya saya ucapkan kepada ibu bapa dan waris Bakal Komander atas

kepercayaan serta restu yang diberikan, dan saya juga merakamkan jutaan terima kasih atas komitmen dan sokongan anda semua terhadap penglibatan anak-anak dalam aktiviti Universiti.

16. Walaupun mahasiswa lain mungkin menghabiskan cuti pertengahan semester di rumah, anak-anak ini menggunakan peluang ini untuk menyertai LIBK bagi membina jati diri, disiplin, dan kekuatan mental yang akan menjadi bekalan mereka pada masa hadapan.
17. Tanpa sokongan dan dorongan daripada tuan puan, pastinya anak-anak ini tidak mampu menghabiskan latihan, dan saya mengharapkan sokongan berterusan ini sehingga mereka menamatkan pengajian dan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda Kesatria kelak.

18. Akhir kalam, saya berharap penglibatan semua Bakal Komander dalam Latihan Intensif Bakal Komander Siri Ke-58 Tahun 2025/2026 dapat membina ketahanan diri serta menjadikan anda insan yang bersyukur atas segala kurniaan Allah.

Mentari pagi menyinari bumi,
Burung berkicau riang di dahan,
Ilmu dan disiplin dijunjung rapi,
Berjuang gigih hasilnya kejayaan.

19. Dengan lafaz suci *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacita merasmikan **Majlis Perbarisan Tamat Latihan, Latihan Intensif Bakal Komander, Siri Ke-58 Tahun 2025/2026** dan seterusnya menganugerahkan pangkat Komander Rendah Muda kepada anda semua.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah

**Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**